

Tawan puncak Gunung Kinabalu

Peserta bersama Musa (tiga kanan, belakang) semasa di puncak Gunung Kinabalu, Sabah.



SEREMBAN – Seramai 21 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) berjaya mendaki Gunung Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

Lebih mengembirakan, pengalaman kali pertama pelajar itu diraikan bersama Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad dan beberapa pegawai pentadbiran Usim yang turut serta dalam pendakian itu.

Penolong Pendaftar StraComm Usim, Mphd Zaini Othman berkata, semua pelajar terlibat merupakan peserta program khas *Young Muslim Leaders of the Future* (YMLF) yang diurusutiakan bawah pejabat Naib Canselor.

“Latihan untuk melakukan ekspedisi ini dilakukan secara insentif sejak sebulan lalu secara berkumpulan oleh peserta.

“Antara bentuk latihan yang dilakukan adalah seperti melakukan larian sekitar kampus, larian balapan, berbasikal dan mendaki bukit,” katanya di sini, semalam.

Peserta, Muhamad Amirul Razali, 20, merupakan pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang, berkata, kejayaannya ber-

sama rakan-rakan mendaki gunung itu menjadi kenangan terindah dalam hidupnya.

“Pendakian yang curam dan licin disebabkan hujan sangat mencabar. Sepanjang pendakian pula, mata sentiasa terpesona dengan pemandangan sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna.

“Kami mula mendaki sekitar jam 10 pagi dan selamat tiba di Laban Rata jam 7.30 malam. Selepas berehat beberapa jam, kami memulakan pendakian dan berjaya tiba di puncak gunung pada jam 6.30 pagi,” katanya.

Menurut pelajar Fakulti Sains dan Teknologi, Riza Asma’an Saari, 21, dia bersama rakan-rakan bersemangat untuk meneruskan pendakian meskipun dalam cuaca yang amat sejuk.

“Suhu mencecah 16 darjah Celsius dan kami dinasihatkan memakai baju tebal, jaket, sarung tangan, topi dan juga stokin.

“Setibanya kami di puncak gunung, azan tanda kejayaan dilaungkan dan lagu Usim dinyanyikan serta bendera universiti dikibar megah,” katanya.